



Tel: +(6)07-553 5656/ 07-553 5658 Laman Web: www.utm.my/kolejtuankucanselor/
Ruj. Kami: UTM.J.06/24.10/1/JKMKTC/23.24/1/4/8 JLD 14 (1)
Tarikh: 7 Disember 2023

Bahagian Keselamatan Universiti Teknologi Malaysia

Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim.

Melalui dan Salinan :

Prof. Ir. Dr. Sharul Kamal bin Abdul Rahim
Pengetua
Kolej Tuanku Canselor
Universiti Teknologi Malaysia
81310, Skudai
Johor Darul Ta'zim.

Assalamualaikum Wrh. Wbt. Dan Selamat Sejahtera

Tuan/Puan/Encik/Cik

JEMPUTAN KOLABORASI PROGRAM CAKNA KESELAMATAN KTC

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Kolej Mahasiswa Kolej Tuanku Canselor (JKMKTC) akan mengadakan program Cakna Keselamatan KTC. Berikut merupakan keterangan bagi program tersebut:

Tarikh : 15 Disember 2023

Tempat : Dewan Astana, S01

Tajuk : Peranan dan Tindakan Pelajar Terhadap Keselamatan di Kolej

Masa : 8.00 Pagi – 12.30 Tengah hari

3. Untuk pengetahuan Tuan/Puan, program Cakna Keselamatan KTC merupakan satu program yang bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan tentang peranan dan tanggungjawab berkaitan keselamatan ketika di kolej kepada ketua blok, Mahasiswa Tahun 1 dan Jawatankuasa Kolej (JKM) sesi 2023/2024. Program ini juga bertujuan untuk memberi penekanan dan kesedaran kepada ketua blok terhadap amanah yang dipikul dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

4. Untuk pengetahuan pihak Tuan/Puan, program yang dilaksanakan amat penting untuk menyalurkan pengetahuan tentang peranan dan tanggungjawab pelajar terhadap keselamatan di kolej. Cakna Keselamatan KTC juga berobjektif untuk meningkatkan ilmu pengetahuan para pelajar terutamanya ketua blok mengenai penggunaan Peti Pertolongan Cemas (*First Aid Kit*) dengan betul.
5. Tujuan pihak kami menghantar surat ini kepada Tuan adalah untuk menjemput pihak Bahagian Keselamatan UTM memberi sedikit taklimat berkenaan peranan dan tanggungjawab pelajar terhadap keselamatan di kolej agar keselamatan pelajar terjamin.
6. Sehubungan dengan itu, saya mewakili Ahli Jawatankuasa Cakna Keselamatan KTC merendah diri ingin menjemput pihak Bahagian Keselamatan Universiti Teknologi Malaysia untuk melakukan kolaborasi bagi program Cakna Keselamatan KTC bagi merealisasikan program ini dengan jayanya. Tentatif program juga telah disediakan di **Lampiran A**.
7. Oleh itu, pihak kami ingin memohon jasa baik Tuan untuk menerima jemputan kami bagi memudahkan serta melancarkan lagi perjalanan program ini. Semoga usaha menjemput Tuan ini mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak Tuan.
8. Segala kerjasama daripada pihak Tuan amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh berhubung dengan Alif Najwan bin Mohd Muhsin selaku Pengarah program di talian 012-6478022.

Sekian, terima kasih.

“Malaysia Madani”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang menunaikan amanah,



.....
(ALIF NAJWAN BIN MOHD MUHSIN)

Pengarah,

Program Cakna Keselamatan KTC,

Universiti Teknologi Malaysia,

81310 UTM Skudai,

Johor Darul Ta'zim.

Tel: 012-6478022

E-mel: alifnajwan@graduate.utm.my

ATURCARA PROGRAM 1 (KURSUS)

HARI	MASA	AKTIVITI	TEMPAT
15/12/2023 (JUMAAT)	0740 - 0800	Pendaftaran peserta (Ketua Blok dan Jawatankuasa Kolej Mahasiswa)	S01
	0800 - 0830	Sarapan Pagi	
	0830 - 0900	Ucapan pengetua dan pengarah program Perasmian Program oleh Pengetua	
	0900 - 1000	Modul 1 : Peranan Dan Tindakan Pelajar Terhadap Keselamatan Kolej (Pihak Keselamatan UTM)	
	1000 - 1100	Modul 2 : Risiko Dan Cara mengurangkan Bahaya Di Kolej (Pihak OSHE UTM)	
	1100 - 1200	Modul 2 : Peti Pertolongan Cemas (First Aid) (Pihak Kesihatan UTM)	
	1200-1230	Majlis Penutup dan Penyampaian sijil	
	1230	Makan DAN Bersurai	